

KE ARAH PENCAPAIAN PERAHAN MINYAK YANG TINGGI

- PERANAN PEKEBUN KECIL

Kadar perahan minyak ialah jumlah minyak sawit mentah (MSM) yang diperolehi berbanding dengan jumlah berat buah tandan segar (BTS) yang diproses dan selalunya disebut dalam peratusan. Kadar perahan minyak negara telah menunjukkan satu aliran yang menurun iaitu dari 20.04% pada tahun 1987 kepada 18.7% pada tahun 1993.

Gejala penurunan kadar perahan minyak ini sangat serius kerana ia melibatkan kerugian besar kepada penanam, pengilang dan negara. Pekebun kecil akan kerugian kerana pendapatan hasil sawit mereka ditentukan oleh faktor kadar perahan minyak yang diperolehi. Kepada pengilang pula, kos pemprosesan mereka akan meningkat kerana lebih banyak BTS perlu diproses untuk mendapatkan jumlah MSM yang sama. Mungkin ramai yang kurang menyedari bahawa dengan penurunan hanya satu peratus kadar perahan minyak, pendapatan eksport negara akan berkurangan sebanyak RM300 juta setahun.

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|-------|
| Ke arah Pencapaian Perahan Minyak Yang Tinggi - Peranan Pekebun Kecil | 1 |
| Dari Meja Editor | 2 |
| Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi | 3 |
| Perkhidmatan Hotline Talian Sawit | 4 |
| Quiz Sawit | 4 |
| Tahukah Anda | 4 |
| Kenalilah... Klasifikasi Tandan Sawit di Peringkat Kilang (oleh PORLA) | 5 |
| Berita Bergambar | 6 - 7 |
| Sudut Teknologi - Penjenteraan Ladang Satu Pendekatan Untuk Mengurangkan Keperluan Tenaga Buruh | 8 |
| Peladang Jaya - Kesabaran dan Berani Mencuba Membawa Kejayaan Kepada Mohamad Tarmudi | 11 |
| Reaksi Pembaca dan Maklum Balas | 12 |



Buah lerai yang tidak dikutip - punca utama penurunan kadar perahan minyak

Persoalannya sekarang adalah, mengapakah kadar perahan minyak berkurangan dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pekebun kecil untuk mengatasi masalah ini? Rumusan dari seminar kadar perahan minyak yang telah dianjurkan oleh PORIM pada bulan Disember 1993 yang lalu mendapati bahawa penurunan kadar perahan minyak sedikit sahaja dipengaruhi oleh perubahan cuaca dan fisiologi buah sawit tetapi banyak disebabkan oleh faktor buah lerai yang tidak dikutip dan mutu rendah BTS yang dihantar ke kilang.

Buah lerai yang tidak dikutip boleh merendahkan kadar perahan minyak kerana ianya terletak di bahagian luar tandan dan mempunyai saiz yang lebih besar dan kandungan minyak yang lebih tinggi berbanding buah di bahagian dalam tandan.

Adalah didapati sumbangan lapisan buah kepada nisbah minyak

Bersambung di muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Dr. Yusof Bin Basiron
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI
Prof. Dr. Jalani Bin Sukaimi

KETUA EDITOR
Tn. Hj. Mohd Tayeb Dolmat

EDITOR
En. Suboh Bin Ismail
En. Mohd Nasir Bin Hassan Basri
Dr. Ariffin Bin Darus
Dr. N. Rajanaidu

SETIAUSAHA
Idris Hj. Omar



DARI MEJA EDITOR

Peningkatan Kecekapan Penuaian Menambah Hasil Ladang

Beberapa faktor telah dikenalpasti memberi kesan terhadap pengeluaran hasil kelapa sawit. Salah satu yang sering tidak disedari oleh penanam kelapa sawit terutama pekebun kecil ialah faktor penuaian.

Terlintaskah dalam fikiran kita, berapa berat dan harga setiap biji buah lerai yang tidak dikutip, terbiar atau terbuang di bawah pokok, di lorong tuai atau di pelantar tandan buah? Ramai yang tidak mengambil endah; kononnya terlalu kecil dan tidak setimpal dengan tenaga yang dicurahkan untuk mengutip semua buah-buah lerai ini. Sebenarnya purata berat setiap biji buah lerai ini ialah 10 gram (g). Sekiranya dalam setiap pusingan penuaian, 15 biji buah lerai tidak dikutip dari setiap tandan, bermakna penanam mengalami kerugian sebanyak lebih kurang 220 kilogram (kg) sehektar setahun. Jika bilangan biji buah lerai yang tidak dikutip berada di paras 30 atau 60 biji pada setiap tandan bayangkanlah berapa pula kerugian yang akan dialami.

Kerap juga terjadi, tandan buah yang masak tidak dituai atau diangkat ke kilang semasa penuaian. Ini berpunca daripada tandan buah masak tidak kelihatan semasa menuai oleh sebab pelepah yang terlalu banyak - tahap pemangkasan yang terlalu rendah. Lorong tuai dan jalan ladang yang tidak sempurna mengakibatkan terdapat buah yang tidak dapat diangkat ke kilang.

Perkara-perkara ini menurunkan perolehan hasil tanaman (*crop recovery*) dan seterusnya merendahkan hasil pengeluaran BTS. Dengan itu, penanam-penanam sawit perlu mengambil berat dan memastikan setiap buah dan tandan yang masak dituai dan dihantar ke kilang untuk menjamin perolehan hasil yang maksima serta hasil bertambah dari masa kesemasa.

Sejak kebelakangan ini, tenaga kerja terutamanya di sektor perladangan telah berkurangan dari masa kesemasa. Menyedari hakikat ini, badan-badan penyelidikan termasuk PORIM bertungkus lumus mencari jalan untuk mengatasi perkara ini supaya hasil kelapa sawit tidak terjejas dan mengurangkan kos pengeluaran. Banyak jentera-jentera ladang telah direkabentuk dan dikeluarkan untuk kegunaan terutama dalam kerja pengangkutan BTS. Sambutan oleh ladang-ladang besar amatlah menggalakkan. Misalnya, pada masa kini jentera pemungkah BTS (*Grabber*) yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 1992, telah meningkat penggunaannya melebihi 70 buah unit di merata Semenanjung.

Dirasakan sumpailah masanya, mini-mini estet agensi kerajaan mengorak langkah menggunakan jentera-jentera yang ada dan yang bersesuaian dengan sepenuhnya. Begitu juga, ada agensi-agensi yang boleh melaksanakan kegunaan jentera di kalangan pekebun-pekebun kecil secara koperasi, kelompok atau apa cara pun. Insya Allah, jika dilaksanakan dengan amalan-amalan agronomi yang lain produktiviti pekebun kecil akan meningkat dan bersaing dengan sektor perladangan.

Sambungan dari muka surat 1

kepada tandan bagi buah luar, tengah dan dalam adalah 50, 30 dan 20 peratus.

Bilangan buah lerai sangat bergantung kepada mutu penuaian khususnya penentuan tandan masak. Penentuan tandan masak oleh PORIM adalah apabila sebiji buah telah jatuh dari satu-satu tandan. Ini adalah kerana pada peringkat ini sintesis minyak dari tandan berkenaan telah pun berhenti dan daripada pemerhatian di ladang buah yang akan terlerai dari tandan tersebut dianggarkan antara 10-15 biji bagi pokok sederhana tinggi. Sekiranya buah yang lerai sebanyak ini tidak dikutip, pekebun kecil boleh mengalami kerugian antara RM 44-66 sehektar setahun.

Menyentuh tentang mutu BTS pula banyak terdapat tandan yang muda, kosong, busuk, kotor, bertangkai panjang dan jenis dura dihantar ke kilang oleh pekebun kecil. Tandan-tandan ini boleh mengurangkan kadar perahan minyak. Oleh sebab mutu BTS adalah sesuatu yang relatif dan untuk menjaga kepentingan pekebun kecil dan pengilang, pihak PORLA telah menyediakan panduan klasifikasi tandan dan penalti yang akan dikenakan sebagai panduan. Ringkasnya, mutu BTS yang dianggap baik untuk setiap penghantaran ialah yang mempunyai tandan masak melebihi 90%, tandan kurang masak tidak melebihi 10% dan tandan tangkai panjang tidak melebihi 5%.

Untuk mengatasi gejala penurunan kadar perahan minyak ini, ianya memerlukan kerjasama antara pekebun kecil dan pengilang. Pekebun kecil mesti berusaha untuk menghantar BTS yang bermutu tinggi ke kilang dan pihak pengilang pula perlu berlaku adil dan bertanggungjawab di dalam memberikan kadar perahan minyak yang setimpal kepada pekebun kecil.

Bersambung di muka surat 3

KEGIATAN UPPK & PT

Beberapa aktiviti pemindahan teknologi kelapa sawit telah dilaksanakan oleh unit ini sepanjang penggal pertama 1994 (Januari - Jun). Kumpulan sasar yang terlibat ialah pekebun kecil, agen pengembangan dan ladang agensi kerajaan serta persendirian.

1. Kursus Kelapa Sawit Untuk Pekebun Kecil

Sebanyak dua kursus telah dijalankan bersama Jabatan Pertanian Negeri Perak dan satu dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah. Seramai 77 orang pekebun kecil telah hadir. Perkara-perkara yang telah diberi penekanan dalam kursus-kursus ini ialah pemilihan bahan tanaman, kaedah tanaman semula, pembajaan dan penuaian.

2. Kursus adhoc untuk agen pengembangan

Tiga kursus telah dianjurkan bersama FELDA, RISDA dan Jabatan Pertanian Johor. Seramai 93 orang pegawai daripada agensi-agensi berkenaan telah hadir. Tajuk utama dalam kursus ini ialah pengurusan tapak semaian, pembajaan, penuaian dan amalan-amalan agronomi.

3. Ceramah dan dialog

UPPK & PT telah mengambil bahagian dalam sembilan sesi ceramah dan dialog yang telah dianjurkan oleh

Sambungan dari muka surat 2

PORIM merasakan mutu BTS boleh ditingkatkan dengan mengambil tindakan-tindakan berikut.

- Mengutip semua buah leri yang terdapat di bawah pokok dan di tempat mengumpul.
- Elakkan penggunaan pencakar untuk mengutip buah leri kerana buah boleh rosak dan satipahi satip akan turut terkumpul.
- Pastikan keliling pokok sentiasa bersih dari rumput/sampah sarap untuk memudahkan pengutipan buah leri.
- Pastikan penentuan buah masak (1 biji/tandan) diikuti dan dengan pusingan kutipan tidak terlalu lama.
- Pastikan tandan muda, rosak, kosong dan busuk tidak dihantar ke kilang.
- Pastikan tangkai tandan dipotong pendek (kurang daripada 5 cm).
- Pastikan jalan ladang sentiasa dalam keadaan baik supaya buah dapat dihantar ke kilang dalam masa 24 jam dalam keadaan segar.
- Jika ada kebun yang hendak ditanam semula pastikan benih tanaman diperolehi dari sumber yang sah untuk mengelakkan kontaminasi benih dura.

Dimana dua pihak perlu bekerjasama untuk mencapai sesuatu tujuan, salah satu pihak perlulah memulakannya.

agensi-agensi seperti FELDA, Jabatan Pertanian dan RISDA. Seramai 568 pekebun kecil dan agen pengembangan telah menyertai sesi ini dan antara tajuk utama yang dibincangkan ialah :-

- Tanaman semula kelapa sawit
- Bahan tanaman
- Pembajaan

4. Lawatan khidmat nasihat

Sebanyak 35 lawatan khidmat nasihat telah diadakan diatas permohonan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk mengenalpasti masalah dan memberi pengesyoran.

Antara masalah utama yang dikenalpasti ialah:-

- Masalah pembajaan
- Penjagaan ladang
- Tekanan/kekurangan air
- Tanah bermasalah

5. Kegiatan masa hadapan

Seperti biasa UPPK & PT akan meningkatkan aktiviti pemindahan teknologi di masa hadapan. Penanam penanam sawit yang memerlukan perkhidmatan ini adalah digalakkan berhubung dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, LPP, Felda dan Risda yang berhampiran atau berhubung terus dengan talian sawit PORIM nombor 03-8251122.

Sumbangan : Suboh Ismail

Dalam hal ini pekebun kecil eloklah memulakannya untuk mendapatkan manfaat daripada kadar perahan minyak yang tinggi untuk diri sendiri, industri sawit dan negara keseluruhannya.

Sumbangan: Idris Hj. Omar

MAKLUMAN

Berita Sawit adalah penerbitan untukedaran Pekebun-Pekebun Kecil tanaman kelapa sawit.

Rencana dalam Berita Sawit ini hanya boleh dipetik dan disiarkan secara sebahagian atau keseluruhan dengan izin Ketua Pengarah PORIM.

Sebarang pendapat dan idea daripada para pembaca adalah dialu-alukan. Segala pertanyaan, masalah dan kemusykilan bolehlah dialamatkan kepada:

Berita Sawit
Ibu Pejabat PORIM
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur



PERKHIDMATAN TALIAN SAWIT

Beberapa perubahan telah berlaku dalam perkhidmatan ini seperti penukaran pegawai dan nombor telefon.

Pertukaran Pegawai

| Nama Pegawai Baru | Alamat | No. Telefon |
|----------------------------------|---|-------------|
| 1) Mohd Omar Hassan Ahmad | Pej. Pertanian Daerah, 83000 Batu Pahat Johor | 07-441551 |
| 2) Aris b. Atan | Pej. Pertanian 85300 Labis Johor | 07-951770 |
| 3) Abdullah Suhaimi b. Abd Malik | Pej. Pertanian Daerah Kuantan Km 9, Jln Gambang Paya Besar 25150 Kuantan Pahang | 09-586566 |

Pertukaran Nombor Telefon

| Alamat | No. Tel lama | No. Tel baru |
|--|--------------|--------------|
| Stesen Peny. PORIM Teluk Intan, Lot 302, Taman Sabak Jaya 45200 Sabak Bernam | 05-671624 | 03-8861624 |
| Stesen Peny. PORIM Ulu Paka 23300 Ketengah Jaya Terengganu | 09-870142 | 09-8200142 |

TAHUKAH ANDA

1. Jika hanya sebiji buah sawit tidak dikutip dari setiap pokok sawit matang di Malaysia nilai kerugian setahun yang dialami oleh penanam ialah RM8.2 juta !

Asas Pengiraan,

| | |
|--|-------------------|
| Keluasan sawit matang di Malaysia | = 1,870,00 hektar |
| Purata bilangan tandan | = 8 tandan |
| Bilangan pokok sehektar | = 148 pokok |
| Nilai sebiji pada harga MSM RM850/tan | = 0.372 sen |
| $0.372 \times 148 \times 8 \times 1870000$ | = RM8,236,378 |

2. Jika kadar perahan minyak (KPM) negara turun sebanyak satu peratus sahaja setahun kerugian kepada eksport negara ialah RM300 juta (Berdasarkan pengeluaran MSM tahun 1993).

Asas Pengiraan,

| | |
|-----------------------------|----------------|
| Pengeluaran *MSM tahun 1993 | = 7.4 juta tan |
| Harga purata MSM 1993 | = 890.00 |

Jika KPM jatuh dari 20% kepada 19%

| | |
|----------|---------------------------------|
| 20%..... | 7,400,000 tan |
| 1%..... | $7,400,000 \times 1 \times 890$ |
| | ————— |
| | 20% |
| | = RM329,300,000 |

* MSM = Minyak sawit mentah

Sumbangan: Wan Zamri Wan Yusof

QUIZ SAWIT

1. Berapa lamakah tandan kelapa sawit akan masak selepas proses pendebungan ?
2. Berapa peratuskah kandungan minyak setandan kelapa sawit jenis DxP (Tenera) ?
3. Berapakah umur anak pokok kelapa sawit yang paling sesuai ditanam ke ladang ?
4. Berapakah jarak tanaman kelapa sawit yang disyorkan di kawasan (a) tanah pendalaman dan (b) tanah liat pantai.
5. Berapakah keluasan kelapa sawit dan jumlah pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Malaysia tahun 1993 ?

Jawapan di muka surat 11

KENALILAH *Klasifikasi Tandan Sawit di Peringkat Kilang* (oleh PORLA)



a) Tandan Masak

Tandan masak ialah tandan segar yang mempunyai buah berwarna oren kemerahan dan mempunyai sekurang-kurangnya 10 soket buah leraf dan lebih daripada 50% buah masih melekat pada tandan.



b) Tandan Kurang Masak

Tandan kurang masak ialah tandan segar yang mempunyai buah berwarna oren kemerahan dan mempunyai kurang daripada 10 soket buah leraf.



c) Tandan Muda

Tandan muda ialah tandan segar yang mempunyai buah berwarna ungu kehitaman dan tidak mempunyai soket buah leraf di tandan.



d) Tandan Terlalu Masak

Tandan terlalu masak ialah tandan segar yang mempunyai buah berwarna merah tua dan lebih daripada 50% buah telah leraf dari tandan tetapi sekurang-kurangnya 10% buah segar masih melekat pada tandannya.



e) Tandan Kosong

Tandan kosong ialah tandan yang lebih daripada 90% buah telah leraf dari tandannya.

PENJENTERAAN LADANG

SATU PENDEKATAN UNTUK MENGURANGKAN KEPERLUAN TENAGA BURUH



Sumbangan :
Dr. Hj. Ahmad Iltam

Kekurangan tenaga buruh di dalam industri sawit bukannya terhadap kepada sektor perladangan sahaja bahkan telah menjalar kepada pekebun-pekebun kecil. Kekurangan tenaga buruh sedikit sebanyak telah menjejaskan keadaan kebersihan ladang, pertumbuhan pokok sawit dan juga hasil pengeluaran.

Ada dua cara bagaimana keadaan merosot yang berlaku di ladang boleh diatasi. Pertama, dengan menjadikan tenaga buruh yang sedia ada lebih produktif dan kedua, dengan menggunakan jentera yang sesuai untuk menghasilkan kerja yang lebih efisien dan produktif.

Untuk menjadikan tenaga buruh lebih produktif, perubahan sikap, sistem pekerjaan dan cara pengurusan perlu diubah atau dipertingkatkan. Ini memerlukan masa yang panjang dan kerjasama yang sepadu dari pihak pekerja, pengawasan dan pengurusan. Perubahan ini boleh dilakukan. Pada tahun-tahun 1970an seorang pekerja hanya mampu mengerjakan 4 hektar ladang sawit. Kini seorang pekerja mampu mengerjakan 6 hektar. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh desakan ekonomi, terdapatnya peralatan-peralatan tambahan, dan keadaan kekurangan tenaga buruh di pasaran.

Telah menjadi tanggapan bahawa penggunaan jentera adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Keadaan ini adalah benar sekiranya jentera yang digunakan itu adalah jenis jentera yang banyak terdapat di pasaran dan digunakan oleh pengusaha pertanian secara menyeluruh. Misalnya sebuah traktor mini buatan Jepun 24 HP berharga lebih kurang RM25,000 (RM1,000 setiap satu HP), dan traktormini dari Negeri China pula ialah RM12,000 bagi 24 HP. Ini adalah murah jika dibandingkan dengan jenis jentera yang direka khas untuk industri tertentu.

Bagi industri sawit yang agak baru diterokai, tiada jentera yang direka khusus untuk satu-satu operasi. Tetapi ini bukan pula bermakna yang industri ini tidak mempunyai jentera yang sesuai untuk digunakan. Beberapa jentera ladang boleh diubahsuai untuk kegunaan di ladang kelapa sawit. Untuk menebang pokok sawit bagi tanaman semula, jentera untuk menebang dan meracik batang banyak digunakan. Kerja-kerja ini

selalunya dikendalikan oleh pemborong yang hanya membuat kerja-kerja menebang dan meracik pokok sawit. Upah yang dikenakan adalah di antara RM7 hingga RM12 sepokok bergantung kepada beberapa faktor seperti saiz racikan dan jarak daripada jalan besar.



"Challenger" – salah satu alat ciptaan PORIM bagi menangani kekurangan tenaga buruh

Setelah benih sawit ditanam, ianya perlu dibersihkan daripada rumpai yang tidak dikehendaki. Cara yang biasa ialah dengan penggunaan pam racun yang didokong di belakang. Cara begini memerlukan penggunaan air yang banyak. Cara yang terkini ialah penggunaan penyembur jenis CDA (Controlled Droplet Applicator). Penggunaan alat ini dapat mengurangkan kadar penyemburan racun dan dapat mengurangkan kekerapan penyemburan.

Bagi aktiviti pembajaan, jentera pembajaan yang boleh menabur baja sejauh 12 meter di kiri dan kanan arah perjalanan jentera boleh didapati di pasaran. Jentera jenis ini tidak menaburkan baja di tempat perjalanan traktor. Ini dapat menjimatkan tiga hingga lima peratus penggunaan baja. Penggunaan jentera ini dapat mempercepatkan penaburan baja hingga 50 peratus.

Penuaian adalah satu aktiviti yang sangat penting dalam ladang kelapa sawit. Penuaian

Penggunaan peralatan yang direka oleh PORIM ini dapat mengurangkan daripada tiga orang pekerja kepada hanya seorang sahaja. Pengurangan pekerja ini tidak pula mengurangkan produktivi jentera ini malah telah meningkatkannya ke paras 30% daripada biasa!

hendaklah dilakukan kepada tandan sawit yang cukup masak dan hendaklah diproses dalam jangka masa 24 jam bagi mendapatkan hasil yang bermutu dan perahan minyak yang maksima. Rata-rata pemotongan tandan sawit masih lagi menggunakan

sabit bagi pokok yang tinggi dan pahat bagi pokok yang rendah. Walau bagaimanapun, pemunggaan dan pengangkutan tandan-tandan sawit kini boleh menggunakan jentera sepenuhnya.

Penggunaan pemungga mekanikal yang lebih terkenal dengan 'the Grabber' adalah menggabungkan penggunaan traktor mini bertreler dengan alat pemungga yang mencengkam tandan-tandan sawit untuk dimuatkan ke dalam treler. Penggunaan peralatan yang direka oleh PORIM ini dapat mengurangkan daripada tiga orang pekerja kepada hanya seorang sahaja. Pengurangan pekerja ini tidak pula mengurangkan produktivi jentera ini malah telah meningkatkannya ke paras 30% daripada biasa. Pada peringkat awal peralatan ini diperkenalkan, terdapat hanya satu sahaja pembekal.

Kini atas permintaan yang agak baik, PORIM telah memberi kuasa kepada sebuah syarikat lagi untuk membuat dan memasarkan 'the

'Grabber' ini. Sebuah lagi syarikat sedang d a l a m peringkat ujian ketahanan kepada traktormini pada mana peralatan ini akan dipasang. Dengan adanya peralatan ini, tenaga buruh y a n g diperlukan u n t u k memungkah tandan bolehlah digunakan untuk kerja penuaian.

Perkembangan penanaman kelapa sawil kini telah merebak kepada tanah gambut yang lembut dan kawasan pendalaman yang berbukit. Kedua-dua kawasan ini menghadapi masalah dari segi pengangkutan berjentera. Bagi tanah gambut kereta sorong lazim digunakan. Kini POKIM telah mengenal pasti jentera ringan bertayar lebar sesuai digunakan di kawasan ini. Sebuah jentera yang dikenali dengan nama 'Challenger' mempunyai enam tayar yang lebar dan menarik treler y a n g mempunyai empat tayar yang juga lebar adalah sesuai u n t u k digunakan bagi tanah gambut.

Ujian yang dijalankan m e n d a p a t i



Penggunaan "Grabber" terbukti dapat meningkatkan kecekapan kerja

jentera ini mampu mengangkut 25 hingga 30 tan tandan sawil dengan menggunakan tiga orang pekerja berbanding dengan lapan hingga sepuluh pekerja. Pengurangan bilangan pekerja dengan penggunaan jentera ini adalah jelas. Penggunaan jentera ini tidak memerlukan penyiapan yang rapi ke atas laluan penuaian.

Bagi kawasan yang becak, berair dan berbukit, sejenis jentera yang

jentera ini dapat mengeluarkan tandan sebanyak 30 hingga 35 tan sehari, yang juga memerlukan tiga orang pekerja. Hasil ujian ini agak menggalakkan. Jentera ini adalah dalam ujian tahan lasak buat seketika di ladang ini sebelum ianya dipindahkan ke kawasan yang lain.

Pada dasarnya terdapat kini jentera-jentera pengangkutan yang sesuai untuk kebanyakan kawasan ladang sawil. Terpulanglah kepada pihak

i n d u s t r i mencuba di l a d a n g m a s i n g - masing supaya penyesuaian dari segi sistem penggunaan, pengurusan d a n mengenal pasti k a w a s a n - kawasan yang paling sesuai u n t u k digunakan dapat dibuat.



Minitraktor sesuai untuk pengangkutan di ladang sawil

Penggunaan jentera bagi membantu hasil pengeluaran tidak semestinya dapat mengurangkan kos pengeluaran, tetapi yang ketara ialah ianya dapat mengurangkan keperluan bilangan pekerja. Jentera-jentera di atas yang telah diuji oleh PORIM telah menunjukkan pengurangan bilangan pekerja walaupun pengurangan kos pengeluaran tidak begitu ketara, setelah mengambil kira kos pengendalian, membaiki kerosakan dan kos susutan jentera. Pada dasarnya, penekanan patut diberi kepada sistem yang dapat mengurangkan bilangan tenaga pekerja asalkan kos pengeluaran tidak naik terlalu tinggi.

Bagi pekebun kecil, penggunaan jentera tidak mungkin diperkenalkan secara individu. Ini adalah disebabkan kos pembelian yang tinggi dan berkemungkinan masa yang lama bagi jentera itu tidak digunakan. Pada amnya jentera-jentera yang sedang digunakan memerlukan keluasan 200 hingga 300 hektar. Cara yang berkesan untuk pekebun kecil menggunakan jentera adalah dengan cara kontrek atau persatuan. Satu badan yang mempunyai jentera boleh mengambil upah untuk menjalankan kerja-kerja di ladang bagi pihak pekebun kecil. Dengan cara ini satu jentera itu boleh dimanfaatkan oleh beberapa orang pekebun kecil. Cara sedemikian senang dijalankan sekiranya kawasan pekebun kecil itu di mana pengendalian jentera di kawasan seperti ini adalah lebih mudah.

Pada keseluruhannya keperluan pekebun-pekebun kecil sawit adalah sama seperti pihak perladangan. Yang menjadi penghalang ialah keluasan dan kedudukan kawasan tanaman. Pihak-pihak yang menjaga kepentingan pekebun kecil perlulah prihatin kepada keperluan ini dan membantu untuk mengatasi situasi ini dengan memberi kemudahan-kemudahan penggunaan jentera. Sistem kontrek untuk penggunaan jentera yang bersesuaian patut diperkenalkan dan di permudahkan untuk kepentingan bersama.

PELADANG JAYA

KESABARAN DAN KEBERANIAN MENCUBA MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA MOHAMAD TARMUDI

Kegigihan dan semangat berani mencuba adalah faktor yang penting bagi menjamin kejayaan seseorang. "Kepuasan dalam hidup akan dicapai dengan menikmati kejayaan yang lebih baik". Begitulah pegangan kata-kata Mohamad Tarmudi bin Tushiran, 39 tahun dari kampung Tumbuk Darat, Morib, Selangor yang mengisi ruangan peladang jaya kali ini.

Sesungguhnya beliau mempunyai sejarah kehidupan yang menarik untuk diketahui sehingga mencapai ketahap yang dinikmati sekarang. Bermula sebagai pekerja sebuah kilang kelapa sawit, beliau bertukar kepada menjaja sayur-sayuran kerana gaji yang tidak seberapa di kilang tersebut. Untuk menambahkan lagi pendapatannya beliau membuka sebuah kedai runcit yang dikendalikan oleh isterinya dan beliau sendiri menjual sayur di pasar Port Dickson, Negeri Sembilan.

Selama 10 tahun menjadi penjaja sayur dan berniaga runcit namun kepuasan tidak juga dirasai dalam hidup. Setelah berjaya dalam permohonan untuk mendapatkan sebidang tanah seluas 1.2 hektar dari kerajaan pada tahun 1987, beliau mengambil keputusan menanam kelapa sawit untuk menambahkan lagi pendapatan. Tanaman sayur dijadikan tanaman selingan sekaligus beliau dapat menjimatkan kos meracun rumpai sehinggalah pokok berumur tiga tahun.

Setelah melihat potensi bahawa kelapa sawit dapat memberi pulangan yang memuaskan beliau merebut peluang

tersambung di muka surat 12

Jawapan Quiz Sawit

1. 21 - 22 minggu
2. 22 - 24 peratus
3. 12 - 15 bulan
4. a) 8.8m x 8.8m x 8x8m (29ka x 29ka x 29ka) tiga segi tepat
b) 9.1m x 9.1m x 9.1m (30ka x 30ka x 30ka) tiga segi tepat
5. Keluasan - 2,281,010 hektar
Pengeluaran MSM - 7,402,931 tan metrik



Keluarga bahagia - hasil sawit banyak mengubah taraf kehidupan En. Tarmudi

Mengawal rumpai menggunakan alat penyembur racun berjentera

dengan memajak kebun di sekitar kawasan kampungnya. Sehingga sekarang beliau mempunyai 12.1 hektar kebun pajakan yang diusahakan bersama ahli keluarga. Untuk membolehkan beliau mengurus kebun ini dengan sempurna dan cekap beliau menggunakan alat penyembur berjentera.

"Masa adalah terlalu penting dan ia perlu diisi dengan bijak untuk membuat banyak perkara yang berguna" kata beliau. Oleh itu segala kerja-kerja perladangan dirancang dengan teliti. Beliau mendapat khidmat nasihat dari Jabatan Pertanian untuk memastikan segala kerja-kerja perladangan dapat dibuat dengan betul.

Untuk kerja-kerja meracun rumpai beliau menggunakan racun jenis serap dan jenis sentuhan. Untuk menghapuskan lalang beliau memilih racun jenis serap supaya dapat memberi kawalan yang lebih lama. Rumpai jenis lembut seperti paku-pakis ditinggalkan antara lorong supaya dapat mengekalkan kelembapan tanah. Kerja meracun dijalankan 2 hingga 3 kali setahun bergantung kepada keperluan. Beliau menggunakan purata 4 liter racun rumpai dengan kos RM35.00 sehektar.

Untuk membaja pokok, beliau menggunakan baja sebatian Biru 12:12:17:2 + TE. Baja ditabur di semua kawasan ladang. Beliau juga menggunakan baja lurus supaya pemakanan yang mencukupi diberi kepada pokok setelah menggunakan baja sebatian.

Alhamdulillah, dengan hasil purata sebanyak 30 tan/hektar/tahun beliau kini boleh mengecapi kesenangan hidup bersama 7 ahli keluarganya. Tanpa dicampur pendapatan dari hasil pajakan sawit beliau memperoleh RM500 hingga RM700 sebulan. Beliau kini telah mempunyai sebuah rumah, kereta Proton Saga dan simpanan dalam ASB. "Tanaman sawit telah mengubah hidup saya sampai ketahap sekarang", akunya.

Di atas usaha beliau dalam kerja-kerja pertanian, beliau telah dipilih sebagai ahli jemaah pengarah pertubuhan peladang kawasan Batu Laut. Di samping itu beliau juga adalah Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampong. "Pengalaman menempuh berbagai kesusahan adalah satu pengajaran yang sangat berguna. Hidup ini ibarat roda, oleh itu kita mesti bersedia untuk menghadapi kesusahan yang mungkin datang dengan pengajaran yang telah ada" katanya mengakhiri perbualan.



REAKSI DAN MAKLUM BALAS PEMBACA

Beberapa maklum balas bertulis telah diterima daripada pembaca sebagai respon kepada Berita Sawit keluaran kedua. Pada keseluruhannya Berita Sawit mendapat pujian dari berbagai pihak kerana mempunyai kandungan yang menyeluruh dan memenuhi keperluan kelompok sasaran. Hasil dari maklum balas tersebut Berita Sawit telah mengubahsuai ruangan Tahukah Anda dengan memberi maklumat/fakta dengan lebih terperinci. Ruangan soalan pendek untuk menguji pengetahuan pembaca diberi nama baru 'Quiz Sawit'. Dari segi pengedaran, banyak permintaan diterima dari pihak yang terlibat secara langsung dengan kelapa sawit agar menjadi penerima tetap Berita Sawit. Terima kasih diucapkan kepada yang menghantar maklum balas tersebut. InsyaAllah akan diambil perhatian yang sewajarnya kepada semua leguran/komen/kandungan. Seterusnya, pihak Berita Sawit mengalu-alukan sebarang komen yang dapat meningkatkan lagi mutu keluarannya dari masa kesemasa.